

18/10/2002

PM akan lancar majlis gerak mesra

ALOR STAR, Khamis - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan Majlis Gerak Mesra dan Tazkirah di Dewan Majlis Perbandaran Kota Star (MPKS) di sini pada Khamis depan.

Timbalan Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Datuk Sheikh Abdul Manaf Ahmad, berkata kira-kira 2,500 peserta akan hadir pada majlis yang bertujuan memupuk semangat persaudaraan Islam.

Katanya, majlis itu dirancang diadakan di seluruh negara dengan Kedah dipilih sebagai perintis.

"Semangat persaudaraan Islam di negara ini agak merosot sehingga berlaku kejadian pulau memulau, maki hamun dan fitnah memfitnah.

"Jika ada semangat persaudaraan yang kukuh, tidak timbul masalah seperti itu walaupun kita mungkin berlainan fahaman politik," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Sheikh Abdul Manaf berkata, Yadim merancang mengadakan gerak mesra tazkirah yang menggalakkan aktiviti ziarah serta perbincangan.

"Peserta akan diletakkan di rumah keluarga angkat dan akan menziarah jiran sekeliling untuk diajak tazkirah.

"Kita mensasarkan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk gerak mesra ini di mana peserta dari kawasan tertentu bermesra dengan penduduk di DUN lain," katanya.

Beliau berkata, sambutan untuk program peringkat daerah dan bahagian agak memuaskan kerana ramai yang menjadi peserta walaupun tidak menerima bayaran.

"Mereka sanggup terbabit secara sukarela semata-mata mahu mengukuhkan semangat persaudaraan," katanya.